The Malay Dilemma

Secebis Kertas Usang

Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat
28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur
1990

Pendahuluan

SIRI Kursus Politik Untuk Ahli-ahli PAS adalah risalah berhubung isu-isu semasa yang perlu difahami oleh ahli-ahli PAS supaya mereka mendapat gambaran yang jelas tentang satu-satu peristiwa.

Jika fahaman masing-masing dapat ditingkatkan,ia beerti ahli-ahli PAS ikut meningkatkan ilmu-khususnya ilmu siasah.Dengan ini masing-masing dapat meningkatkan khidmat dan daya juang PAS pada keseluruhannya.

Risalah Pertama dalam siri ini adalah kertaskerja saya sebagai Ketua Penerangan PAS Pusat berhubung dengan bab satu The Malay Dilemma karangan Dr Mahathir Mohammad yang dibentangkan dalam Konvension Semangat 46 Negeri Johor di Batu Pahat pada 13 Mei 1990.

Kertas itu 'The Malay Dilemma,Ibarat Secebis Kertas Usang'adalah saringan semula dari tulisan saya mengenai bab itu yang ditulis semasa pengarangnya menjadi Timbalan Perdana Menteri.Risalah terbaru ini adalah kupasan yang membandingkan percanggahan antara saranan buku itu dengan apa yang berlaku sesudah pengarangnya menjadi Perdana Menteri.

Jelas sekali teguran yang dibuat,dilakukan pula oleh pengarangnya.Apabila pengarangnya sendiri melanggar saranannya,maka itulah sebabnya buku itu menjadi hambar.Atas kiraan ini risalah kecil ini dinamakan IBARAT SECEBIS KERTAS USANG.

Mudah-mudahan risalah ini memberi manafaat kepada para pembaca.

Wallhu a'lam.

SUBKY ABDUL LATIF,
25 Julai,1990
Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

CAKAP TAK SERUPA BIKIN	1
KELAHIRAN UMNO	3
TUNTUTAN MCA	4
KORAP KUASA	6
BOLOT DAN CANTAS	8
PERLEMBAGAAN DIPERKECIL	12
BERKUASA PENUH	16
TEMPELAK	18
PANTANG DITEGUR	21
MARUAH PERLEMBAGAAN	25
NILAI SEORANG MENTERI	26
LUAR BANDAR	28
PINTU HATI TERTUTUP	32

CAKAP TAK SERUPA BIKIN

THE Malay Dilemma atau terjemahannya Kemelut Melayu, karangan Dr. Mahathir Mohammad telah diharamkan dan dilarang diedar dan dibaca di Malaysia di bawah tiga Perdana Menteri atau selama sebelas tahun sebelum pengharaman itu ditarik balik. Orang yang bertanggungjawab mengharamkan buku tersebut ialah Tun Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri ketika Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri. Tun Dr. Ismail adalah seorang tokoh UMNO yang terkenal tegas dan tidak banyak dipertikaikan sikap dan tindakannya. Justeru itu tidak munasabah Tun Dr. Ismail mengambil sikap berpura-pura bila beliau mengharamkan buku itu.

Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, satu-satunya tokoh UMNO yang digelar 'Singa UMNO' menyifatkan bahawa The Malay Dilemma tidak wajar dikarang oleh seorang ahli UMNO dan tidak mungkin seorang ahli UMNO dapat melaksanakan segala saranan yang terkandung di dalamnya. Kiranya Dr. Mahathir berhasrat untuk melaksanakan saranan buku tersebut, maka bagi Tan Sri Syed Jaafar Albar, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak wajar berada dalam UMNO. Dia mestilah berada di luar UMNO.

Mungkin inilah yang mendorongkan pengarang buku itu membuka jalan untuk mematikan pendaftaran UMNO lama bagi digantikan dengan UMNOnya sendiri, 18 tahun setelah bukunya diterbitkan.

The Malay Dilemma adalah satu kritikan terhadap kepimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO dan sebagai Perdana Menteri. Ia juga satu kritikan terhadap sistem dan politik UMNO dan Perikatan dari mula hingga tercetusnya puaka berdarah 13 Mei 1969. Mungkin ia boleh dijadikan asas untuk membaiki kepincangan politik dan masyarakat Malaysia, tetapi sehingga ini tidak kedapatan adanya kemampuan hatta oleh Dr. Mahathir sendiri untuk melaksanakan saranannya.

Mungkin Tun Razak dan Tun Hussein Onn banyak mewarisi pentadbiran dan sistem yang ditinggalkan oleh Tunku, tetapi Dr. Mahathir yang mengarang buku itu sendiri berpeluang menentukan arus politik negara sebagai Timbalan Perdana Menteri dari tahun 1975 dan sebagai Perdana Menteri sejak tahun 1981, juga tidak menunjukkan apa-apa perbezaan dan perubahan khususnya dalam hal-hal yang dikritiknya dalam buku tersebut.

Dalam kertas ini saya hanya menurunkan beberapa saranan yang termuat dalam bab pertama buku itu yang pada anggapan saya Dr. Mahathir tidak terdaya untuk mengatasinya atau dalam kata-kata hikmah sekarang 'cakap tak serupa bikin' atau dalam dua pepatah Melayu saranan Dr. Mahathir itu boleh diibaratkan 'mengata dulang paku serpih, mengata

orang aku yang lebih' dan 'tok pawang memecah timba'. Banyak perkara dalam bab pertama The Malay Dilemma itu dilanggar oleh pengarang yang menjadi Perdana Menteri. Malah apa yang dilakukannya adalah lebih ketara dari sebelumnya.

KELAHIRAN UMNO

Antara saranannya: *"UMNO came into being because of the Malay fear of losing out to the Chinese."* Maksudnya kira-kira: *"UMNO lahir kerana orang-orang Melayu bimbang akan tenggelam di tengah lautan orang-orang Cina."*

Ia satu pandangan pengarang yang boleh diterima dan boleh ditolak. Tetapi ia mengandungi satu kenyataan adanya kebimbangan orang Melayu terhadap kehadiran orang Cina yang begitu ramai sebelum merdeka. Bila hal ini dibangkitkan oleh buku yang diterbitkan dalam tahun 1970itu, maka ia seolah-olah mahu menyampaikan maksud betapa pentadbiran Tunku Abdul Rahman gagal untuk mengatasi kebimbangan tadi sekalipun telah beroleh kekuasaan sejak tahun 1955 dan setelah merdeka sejak tahun 1957.

Ayat lain selepas itu menyarankan: *"The honeymoon period immediately before and after independence lessened this fear, but it was never really absent." (Tempoh berbulan madu - antara Melayu dan Cina - sejurus menjelang dan selepas kemerdekaan telah meredakan kebimbangan tadi, tetapi ia tidak pernah luput).*

Secara rasional saranan itu boleh diterima dan kalau pentadbiran ketika itu hendak disalahkan pun mungkin boleh, tetapi yang penting apakah yang dapat dibuat oleh mereka yang menggantikan pentadbiran itu khususnya bila pentadbiran negara diletakkan terus di tangan pengarangnya?

TUNTUTAN MCA

Secara tegas The Malay Dilemma meletakkan kepincangan perkauman atas wujudnya apa yang disebut *"the continuous and forthright demands of the Chinese within and outside the MCA, soon awakened the old fears (adanya tuntutan-tuntutan yang berterusan dan lantang dari orang-orang Cina baik dari dalam ataupun dari luar MCA, telahpun segera membangkitkan semula kebimbangan lama itu). "*

Walaupun punca kelemahan perkauman itu cuba diletakkan kepada masyarakat Cina tetapi ia juga mencerminkan wujudnya kelemahan pimpinan negara untuk membendung suasana. Mungkin benar apa yang disarankan itu tetapi sesiapa juga yang memimpin UMNO harus memahami latarbelakang politik yang membolehkan UMNO berkuasa. Justeru itu mungkin apa yang dilakukan adalah yang terbaik yang mampu dilakukan oleh pentadbiran di waktu itu.

Sekiranya kita dapat menerima bahawa kelemahan telah wujud, maka adalah wajar kita menerima teguran dengan harapan kelemahan tadi boleh diperbaiki. Saya percaya atas harapan inilah maka UMNO memberikan peluang kepada Dr.

Mahathir untuk mengambilalih kepimpinan UMNO dan kerajaan supaya kebimbangan tadi boleh diatasi dan tuntutan dari MCA dan dari luar MCA dapat dielakkan atau dikurangkan.

Apa yang berlaku selepas pentadbiran Mahathir, tidak nampak kebimbangan itu reda. Suara-suara yang dikeluarkan dari perjumpaan UMNO sebelum dan sesudah pendaftarannya dimansuhkan mencerminkan kebimbangan tadi terus wujud dan kecaman terhadap kaum yang menganggotai MCA bertambah lantang. Kejadian-kejadian yang berlaku menjelang Operasi Lallang tahun 1987 mencerminkan kebimbangan orang Melayu masih meningkat dan tuntutan dari orang bukan Melayu tidak pula reda jika dibandingkan dengan zaman-zaman sebelumnya. Betapa Encik Lee Kim Sai, Menteri Sumber Manusia ketika Operasi Lallang terpaksa bercuti selama dua bulan di luar negeri dan betapa gelaran Dato'nya ditarik balik adalah bukti gagalnya pentadbiran dan pimpinan ketika itu untuk membendung segala yang dikritiknya tadi.

Kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan suara yang disampaikan oleh wakil-wakil UMNO dalam Mapen membuktikan betapa suasana adalah bertambah gawat jika dibandingkan sebelumnya. Segala kebimbangan tadi lahir bukan sekadar sukarnya pimpinan yang ada untuk menyekat lidah dan nafsu MCA yang menggunakan demokrasi, tetapi ia ditambah oleh dasar dan pendekatan kerajaan yang payah difahami. Pindaan Kanun Tanah Negara, tunduk kepada permohonan seorang pelanggan BMF di Hong Kong, penyertaan aktif pelaburan Singapura dalam pembangunan negara seperti di Johor, Langkawi dan lain-lainnya adalah antara yang

memungkinkan pentadbiran The Malay Dilemma adalah lebih rumit dari pentadbiran yang dikritiknya. Kebimbangan orang Melayu bertambah ketara sekalipun Dr. Mahathir telah menjadi Perdana Menteri sejak tahun 1981.

KORAP KUASA

Mukasurat 8 The Malay Dilemma menyebut: *"But power corrupts and the near absolute power that the Alliance obtained corrupted the thinking of the leaders almost absolutely (kekuasaan lazimnya menyebabkan penyelewengan atau korupsi dan kekuasaan yang hampir mutlak yang diperolehi oleh Perikatan telah menyelewengkan pemikiran pemimpin-pemimpin Perikatan dengan cara yang begitu menjolok mata)."*

Ungkapan yang digunakan oleh pengarang adalah falsafah yang sudah dikenali lama oleh ahli ilmu politik dan memang Perikatan dari pilihanraya umum yang pertama tahun 1955 telah memenangi 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihanraya umum tahun 1959 dan 1964 Perikatan dengan mudah memperolehi majoriti yang besar di Parlimen dan DUN-DUN. Malah calon-calon Perikatan kebanyakannya menang dengan majoriti yang besar. Tidak sedikit pula calon pembangkang hilang wang pertaruhan. Kemenangan itu menyebabkan pembangkang lumpuh dan banyak parti pembangkang tidak dapat bertahan lama. Perkembangan ini menyebabkan bukan sahaja pemimpin UMNO dan Perikatan naik tocang tetapi ahli-ahli UMNO sendiri berasa mereka

lebih besar dari orang lain.

Malah mulai terdapat tanda-tanda kakitangan kerajaan yang menjadi ahli UMNO atau mana-mana parti kerabat Perikatan kelihatan lebih digeruni dari ketua-ketua jabatan. Pegawai Daerah yang tidak berpolitik kadang-kadang terpaksa mendengar pandangan orang bawahnya yang berpolitik dalam urusan mengeluarkan geran tanah dan sebagainya. Guru Besar tidak berani menghalang guru bawahnya meninggalkan kelasnya untuk menyambut kunjungan pemimpin parti ke tempatnya. Sikap lunak pegawai bukan kerana cara itu betul, tetapi bimbang dengan ancaman orang bawahnya yang berpolitik.

Kepincangan itu bukan disebabkan sekadar ada niat demikian dari parti atau ianya dirancang begitu rupa oleh parti, tetapi ia juga terjadi bila sebuah parti atau satu kumpulan membolot kuasa yang tidak mungkin dicabar lagi.

Ilmu politik mengkritik perkembangan seperti ini sebagai suatu yang tidak sihat. Dan bila The Malay Dilemma menimbulkan perkara ini maka ia terpaksa diterima secara terbuka kerana ia adalah pandangan yang betul. Orang-orang politik yang semata-mata berpolitik seperti Encik Ghafar Baba misalnya sudah tentu tidak akan memikir banyak tentang sihat atau tidak sihatnya politik kerana baginya yang penting ialah kuasa. Tetapi bagi pemimpin yang memikirkan lain-lain hal yang perlu dipelihara selain dari kuasa maka sudah sewajarnya mempastikan bahawa kekuasaan tadi perlu dibatasi. Bagaimana ia hendak dilakukan terserahlah kepada

kebijaksanaan orang yang memerintah. Kalau George Bush boleh dihadkan kekuasaannya, sedang dunia boleh dikuasainya, maka sudah tentu ada cara yang kuasa itu dihadkan. Jika Saidina Omar r.a. yang ditakuti oleh orang-orang sezamannya boleh membatasi kuasanya maka sudah tentu kuasa itu boleh dibatasi.

Dr. Mahathir nampaknya menyedari betapa perlu kuasa itu dibatasi. Dan bila dia mengkritik pentadbiran Tunku adalah wajar ianya diterima secara terbuka. Apa niatnya adalah suatu hal yang lain. Kita menerima bahawa Tunku adalah manusia biasa dan tidak sunyi dari kelemahan dan kesilapan. Bila dia dikritik maka kita gembira yang beliau dapat menerimanya. Justeru itu sikap keterbukaannya itu akan memberikan kebaikan. Tetapi Dr. Mahathir membuktikan betapa beliau mengumpulkan lebih banyak kuasa dari Perdana Menteri sebelumnya.

BOLOT DAN CANTAS

Dalam memuhasabahkan dirinya sebagai seorang ahli UMNO yang rasional, Dr. Mahathir menyarankan lagi: *"UMNO ..... held more power and therefore has to accept the major share of responsibility for the decay which gradually the Alliance government almost as soon as Independence was achieved (UMNO ..... yang beroleh banyak kuasa dan sewajarnyalah menerima saham tanggungjawab yang besar terhadap kepincangan yang terus menyelubungi atau menjejaskan kerajaan Perikatan sebaik sahaja kemerdekaan dica-*

pai)."

Apakah dakwaan itu benar atau sebaliknya? Tetapi bagi UMNO yang ingin mengkritik diri sendiri, apa yang disarankannya dalam The Malay Dilemma itu adalah wajar dan tidak boleh dianggap keterlaluan. Kesedaran yang ada pada Dr. Mahathir itu sepatutnya sangat berguna untuk negara dan masyarakat Malaysia bagi melahirkan sebuah kerajaan yang cekap, bersih dan amanah dengan menyekat gejala negatif dan membatasi kuasa dan pengaruh yang ada pada parti dan dirinya sendiri. Tetapi dalam pelaksanaan sesudah kuasa berada di tangannya, pengumpulan kuasa terus berlaku bukan sahaja di sekitar UMNO dan Barisan Nasional yang menggantikan Perikatan malah pengumpulan kuasa terhadap dirinya sendiri amat menjolok mata.

Dr. Mahathir mempastikan orang-orang UMNO yang memimpin cawangan, bahagian dan negeri terdiri daripada orang-orang yang setia kepadanya. Walaupun ia tidak begitu mudah dilakukan sebelum UMNO diharamkan, tetapi setelah UMNOnya sendiri dibentuk maka setiap orang yang mendaftar menjadi ahli UMNO dikehendaki menerima kepimpinannya. Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO tidak lagi dipilih oleh sayap partinya, tetapi ia dilantik oleh Presiden parti. Presiden dan Timbalan Presiden parti bila dicalonkan semula memegang jawatan mendapat sepuluh undi percuma bagi setiap bahagian yang mencalonkannya sedang calon baru untuk jawatan tersebut tidak mendapat sebarang undi tambahan itu.

Betapa rakusnya Dr. Mahathir untuk memburu kuasa dapat dilihat dari tindakannya mengenepikan sekurang-kurangnya dua orang pemimpin UMNO negeri yang popular di kalangan ahli-ahli di negeri-negeri tetapi tidak beliau senangi. Pertama terhadap Tengku Razaleigh di Kelantan dan kedua terhadap Datuk Abdullah Badawi di Pulau Pinang. Suatu yang jelas Tengku Razaleigh muncul sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan sejak dari zaman Tunku Abdul Rahman menjadi pemimpin UMNO. Pengaruhnya begitu besar dan tidak mungkin melalui sokongan ahli beliau boleh dicabar oleh tokoh lain. Tetapi Dr. Mahathir membuat formula bahawa yang menjadi Ketua Perhubungan Negeri-negeri ialah mereka yang menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri. Formula itu semata-mata bertujuan untuk menggugurkan Tengku Razaleigh dari pimpinan UMNO Kelantan.

Datuk Abdullah Badawi telah diterima sebagai Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang kerana Ketua Menteri Pulau Pinang bukan dari UMNO. Tidak ada apa-apa yang cacat dalam pimpinannya dan di samping itu beliau juga Naib Presiden UMNO. Kerana dia memihak kepada Tengku Razaleigh dalam pemilihan UMNO tahun 1987, maka sekalipun beliau menang sebagai Naib Presiden untuk kali kedua, dia digugurkan dari Ketua Perhubungan Pulau Pinang.

Usaha membunuh UMNO dan kemudian mendaftarkannya semula adalah satu tindakan untuk membersihkan parti Dr. Mahathir itu dari gejala penentangnya. Dan walaupun antara penentangnya itu menyertai UMNOnya, tetapi mereka tidak berupaya untuk menggugat kuasa yang ada padanya.

Contoh-contoh di atas memperlihatkan bahawa pengarang hanya pandai berteori betapa kuasa yang berlebihan itu tidak baik, tetapi dia sendiri gilakan kuasa.

Dr. Mahathir menyedari melalui bukunya itu betapa sikap gila kuasa dan wujudnya UMNO yang tidak boleh ditegur mendorongkan kecelakaan 13 Mei 1969 dan ia juga mendorongkan wujudnya sebuah kerajaan yang *"corrupt"* tetapi dia membiarkan pengaruh dan anasir itu menyelubungi parti dan kerajaan yang dipimpinnya. Kerajaannya bukan sahaja gila kuasa dan menyalah gunakan kuasa, tetapi ia mempunyai imej sebagai sebuah kerajaan yang *"corrupt"*.

Yang anehnya imej rasuah dan penyelewengan yang ada pada kerajaan Dr. Mahathir dan parti yang dipimpinnya adalah yang terburuk dalam sejarah negara ini sejak merdeka. Tidak dinafikan bahawa unsur rasuah mulai terdapat dalam pentadbiran Tunku, tetapi imejnya tidak pula terkenal sebagai sebuah kerajaan yang "corrupt". Cuma kerajaan itu tidak begitu tegas menghadapi gejala rasuah. Justeru itu Tunku juga dikritik atas kelemahan tadi.

Sepatutnya Dr. Mahathir bila berkuasa tidak wajar membenarkan rasuah bermaharajalela hingga mulai setanding dengan negara-negara jiran sebagai kerajaan yang mungkar. Betapa buruknya kepimpinan negara dalam penyelewengan ini dapat dilihat dari adanya jolokan atau sindiran di kalangan juruniaga yang menggelar pemimpin kerajaan sebagai Mr. 10%.

PERLEMBAGAAN DIPERKECIL

Lebih jauh idealisme Dr. Mahathir dalam perkara ini dapat dilihat lagi dalam saranan The Malay Dilemma di mukasurat 9:

"Unfortunately, when the leaders of the party also become the highest and most authoritative officers of the government, the provisions of the party constitution appeared incompatible and irrelevant. (Malangnya, bila para pemimpin parti juga yang menjadi pegawai-pegawai tertinggi dan paling berkuasa dalam kerajaan, maka dengan sendirinya peruntukan-peruntukan perlembagaan parti tidak dihirau dan tidak berguna lagi)."

"The prestige and authority of these officials as members of the government outweight those of the party officials (kedudukan tinggi dan kekuasaan para pegawai itu sebagai sifat mereka ahli-ahli kerajaan dengan sendirinya mengatasi kedudukan pegawai atau pemimpin parti)."

Jika diteliti dan dibandingkan dengan amalan regim Dr. Mahathir sekarang, apa yang berlaku dulu yang dikritik oleh The Malay Dilemma tidak muncul sebagai satu yang keterlaluan. Kita menerima bahawa dari sudut idealismenya wajar ada pemisahan kuasa antara pemimpin parti dengan pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi apa yang terlaksana di zaman Tunku, zaman Tun Razak dan zaman Tun Hussein Onn, itu jugalah yang berlaku di zaman kerajaan The Malay Dilemma ini.

Wakil rakyat yang terpilih menjadi exco serta-merta menjadi wakil rakyat yang lebih berkuasa dari wakil rakyat yang tidak menjadi exco. Datuk Abdullah Badawi yang menjadi Naib Presiden parti kerana tidak menjadi menteri, tidak punya apa-apa pengaruh jika dibandingkan dengan Dr. Ibrahim Saad yang menjadi Exco Negeri Pulau Pinang walaupun tidak menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO. Orang ramai lebih memberi perhatian kepada Dr. Ibrahim. Ahli-ahli parti juga lebih menumpukan perhatian kepadanya. Dan demikian juga kerajaan.

Kerajaan pusat dan kerajaan negeri tidak begitu merasa bertanggungjawab kepada Datuk Abdullah Badawi tetapi lebih mengambil berat apa yang disebut oleh Dr. Ibrahim. Mengapa? Kerana kerajaan Dr. Mahathir telah mengutamakan pemimpin parti yang punya peluang menjadi ahli-ahli kerajaan.

Malah sebelum Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, siapa antara orang UMNO yang menghiraukan sangat Encik Ghaffar Baba yang menjadi Naib Presiden UMNO dan Setiausaha Agong Barisan Nasional. Kedudukannya ketika itu ibarat dahan reput menunggu runtuh. Walaupun beliau telah menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Naib Presiden UMNO paling lama dalam sejarah, lebih lama dari Tunku Abdul Rahman, tetapi beliau telah dikalahkan oleh Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Datuk Abdullah Badawi dalam merebut kerusi Naib Presiden. Walaupun beliau kekal sebagai Naib Presiden tetapi nombor

tiga. Bila-bila masa saja boleh kecundang. Pada hal beliau adalah Setiausaha Agong Barisan Nasional dan pada hal ketika itu Dr. Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri.

Mengapa hal ini boleh berlaku? Antara sebabnya ialah kerana pengaruh pentadbiran di zaman Mahathir adalah mengamalkan sikap mengutamakan pemimpin parti yang menjadi pemimpin kerajaan.

Kalau di zaman Tunku terdapat amalan bahawa seorang Ketua Perhubungan UMNO Negeri menjadi Menteri Besar. Tetapi ada juga kalanya Menteri Besar tidak menjadi Ketua Perhubungan Negeri. Dalam kerajaan The Malay Dilemma wujud formula bahawa Ketua Perhubungan Negeri ialah seorang yang menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri. Ketua Perhubungan Negeri belum ditentukan menjadi Menteri Besar, tetapi Menteri Besar ditentukan menjadi Ketua Perhubungan Negeri. Tan Sri Muhammad Yaakub menjadi Menteri Besar dulu kemudian baru menjadi Ketua Perhubungan Negeri Kelantan.

Malah kini setiap Pegawai Daerah dan setiap Guru Besar berusaha untuk menjadi pemimpin UMNO di daerah atau kampung masing-masing bagi membolehkan mereka mudah menjalankan tugas sebagai ketua jabatan dan ia juga membuka peluang untuk menjadi wakil rakyat. Pegawai Daerah yang tidak menjadi Ketua UMNO akan merasa dirinya tidak cukup kuasa, tambahan pula bila ada budak pejabatnya menjadi jawatankuasa UMNO salah satu cawangan. Dan bila pegawai daerah juga menjadi ketua UMNO, bukan sahaja

orang ramai tertumpu kepadanya dan pegawai-pegawai yang menjadi ahli biasa UMNO gerun dengannya, wakil rakyat pun belum tentu berani dengannya. Bila ini berlaku, maka "corrupt" yang disebut oleh Malay Dilemma itu menjadi-jadi.

Bila ini berlaku, apa bezanya kerajaan sebelum dan sesudah halalnya The Malay Dilemma? Paling ketara dalam pengumpulan kuasa kini wujud juga seseorang Presiden parti yang juga menjadi Perdana Menteri. Inilah yang ada pada kedudukan Tunku Abdul Rahman yang dikritik habis-habisan oleh The Malay Dilemma. Hal ini juga ikut dikecam oleh buku itu. Sejauh mana pengumpulan kuasa seperti itu baik atau buruk, tentu ada hujahnya. Dan sejauh mana pula pengasingan kuasa itu praktikal juga terus menjadi perbahasan. Tetapi lazimnya kebanyakan sistem membenarkan Presiden parti menjadi Perdana Menteri. Hanya pada peringkat awal kemenangan Petir di Singapura ketua parti iaitu Dr. Toh Chin Chye enggan menjadi Perdana Menteri. Beliau hanya menjadi menteri biasa. Dia bersetuju Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri. Bagaimanapun Setiausaha Agong parti sosialis lazimnya lebih berpengaruh atau tertonjol dari seorang pengerusi, sama seperti yang terdapat dalam DAP.

Jika ketua parti menjadi ketua kerajaan dikritik oleh The Malay Dilemma, maka adalah menjadi tanggungjawab kepada pengarang buku itu tidak merangkumkan dua jawatan terpenting itu bila dia diberi peluang untuk berkuasa. Dia sepatutnya tidak menjadi Perdana Menteri pada ketika dia menjadi Presiden UMNO. Apa yang berlaku ialah beliau tidak menghormati pandangan The Malay Dilemma dan meneruskan

juga apa yang pernah Tunku sandang, malah pada ketika yang sama beliau menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. Polis dan mahkamah terletak di tangannya.

BERKUASA PENUH

Dalam mukasurat 9 juga dalam perenggan yang sama The Malay Dilemma menambah:

"The Prime Minister in particular became so powerful both by virtue of his office and by popular acclaim, that the party became subservient to his person. And so not only was the General Assembly frequently put off, but even the Central Executive Council was not called upon to discuss government policy or even party policy.

Apa yang cuba ditekankan oleh buku itu ialah betapa Perdana Menteri, dalam kontek ini Tunku Abdul Rahman, kerana dengan kedudukan yang begitu berkuasa penuh, kerana jawatan dan kerana pengaruhnya yang sangat popular, maka parti telah diletakkan di bawah budi bicaranya. Dan justeru itu bukan sekadar perhimpunan agong parti acap ditangguhkan malah Majlis Tertinggi pun tidak dipanggil bagi membincangkan dasar-dasar kerajaan dan dasar-dasar parti.

Menyedari kelemahan ini, kiranya benar berlaku, maka apa yang diharapkan kerana Dr. Mahathir juga menjadi Presiden parti dan Perdana Menteri, sudah sewajarnya kehendak-

kehendak parti tidak diabaikan dan ia digunakan sebaik-baiknya untuk membincangkan dasar parti dan kerajaan. Tetapi adakah kesempatan itu telah digunakan sebaik-baiknya? Adalah benar perhimpunan agong parti diadakan setiap tahun sebagai yang dikehendaki oleh perlembagaan parti dan oleh peraturan pendaftaran pertubuhan, tetapi parti komunis yang dikutuk oleh rakyat di negara-negara blok Soviet kini juga dulunya acap mengadakan perhimpunan. Tetapi perhimpunan itu hanyalah untuk mengesahkan apa yang dikehendaki oleh pemimpinnya. Mengadakan perhimpunan belum bererti pemimpinnya sudah bersikap terbuka. Ia cuma sudah memenuhi kehendak pertubuhan sahaja. Tetapi lebih dari itu, tindakan diperlukan untuk menjadikannya sebuah pertubuhan yang tegak atas semangat rakyat dan orang ramai.

Dari apa yang didengar bahawa pengarang The Malay Dilemma juga, sekalipun acap mengadakan mesyuarat Majlis Tertinggi tetapi banyak tindakannya tidak pernah dibincangkan dalam Majlis Tertinggi. Dasar Pandang ke Timur mengikut Ahli Majlis Tertinggi UMNO ketika itu, tidak pernah dibincangkan. Ia hanya diumumkan oleh beliau kepada akhbar seelok-elok sahaja selesai mesyuarat Majlis Tertinggi. Pindaan perlembagaan negara yang melibatkan kedudukan raja-raja juga tidak dibincangkan.

Walaupun alasan yang diberikan kemudian betapa Tunku tidak membincangkan soal pemisahan Singapura dari Malaysia dengan parti, maka apakah sikap yang diambil oleh Tunku itu menghalalkan tindakan Dr. Mahathir tidak membincangkan pindaan perlembagaan itu dengan parti? Ironinya, The Malay

Dilemma mengecam Tunku kerana membelakangkan perlembagaan dan parti tetapi pengarang buku itu melakukan sesuatu yang sama semata-mata kerana Tunku juga pernah berbuat demikian. Kiranya apa yang Tunku buat maka Dr. Mahathir juga boleh buat, maka di mana logiknya beliau mengarang buku The Malay Dilemma yang menelanjangkan segala kelemahan Tunku?

Adalah suatu yang benar sekarang terlalu banyak perkembangan yang bukan sekadar kita tidak tahu, UMNO sendiripun tidak tahu terhadap apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir. Malah Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri sendiri tidak tahu banyak perkara. Operasi Lallang adalah contoh yang Perdana Menteri tidak bincangkan dengan Timbalannya sehingga menyebabkan Encik Ghafar Baba merajuk ke London atas alasan menjalani pembedahan sakit jantung. Malah bukan satu rahsia lagi betapa Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah disebabkan tidak boleh bekerja dengan Dr. Mahathir.

Kalau dengan Timbalannya sendiri dia tidak boleh berunding dan tidak sedia mendengar pandangannya, maka apalah yang diharapkan dia merujuk setiap perkara kepada partinya dan orang ramai.

TEMPELAK

Betapa kontradiknya Dr. Mahathir dengan cakap-cakap dan tulisannya dapat juga kita saksikan dari saranannya yang

menempelak pimpinan Tunku-Tun Razak seperti yang tercatit di muka surat 9 The Malay Dilemma:

".....the leaders were no longer answerable to the ordinary members and the faceless supporters, but they only answerable to themselves (...para pemimpin tidak lagi bertanggungjawap terhadap ahli-ahli biasa parti dan para penyokong yang ramai itu, tetapi mereka cuma bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri)."

Dimuka surat 10 beliau menambah:

"the leaders of UMNO....believing that they no longer needed to heel the opinions of their supporters, they disregard them at every turn (pemimpin-pemimpin UMNO...yakin mereka tidak lagi perlu mendengar pandangan penyokong-penyokong mereka, lalu mereka diabaikan dalam setiap perkara)."

Pemimpin-pemimpin UMNO ketika itu - Tunku, Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan lain-lain - dirasakan oleh Dr. Mahathir sebagai orang yang mementingkan diri sendiri dan tidak lagi menghiraukan pandangan ahli-ahli dan penyokong UMNO.

Sasaran beliau sudah tidak terhad kepada Tunku. Itulah anggapan beliau kepada bapa Datuk Seri Najib dan itulah yang difikirannya tentang ayah En. Taufik anggota Parlimen dari Benut. Demikianlah pandangannya terhadap para pemimpin UMNO zaman itu. Apakah pandangannya itu benar atau sebaliknya, anda sendiri boleh membuat pertimbangan kerana antara anda adalah ahli dan penyokong UMNO, dan antaranya ada sama ketika itu.

Sekalipun ia pahit didengar oleh ahli UMNO tetapi demi kebaikan segala yang dipaparkan wajar didengar, kerana mana tahu kalau-kalau ia boleh dijadikan pertimbangan. Kiranya kata-katanya itu benar, orang yang mengambil alih tanggungjawab boleh menjadikannya iktibar, justeru itu ketika buku itu diterbitkan, pengarangnya sangat dihormati kerana beliau berani memberi pandangan berterus-terang.

Tetapi bila dilihat dari kepimpinannya sendiri, kita mudah membuat kesimpulan pandangannya itu ibarat 'mengata dulang paku serpih'. Seluruh ahli UMNO merasakan pindaan perlembagaan negara tahun 1983 tidak wajar, tetapi ia dirasakan wajar oleh beliau, maka kemahuannya yang terlaksana. Seluruh ahli UMNO berpendapat bahwa kepimpinannya tidak diperlukan oleh UMNO kerana ia menimbulkan perpecahan dan sebagainya. Dia berpendirian kalau menang satu undi pun dia akan kekal sebagai pemimpin juga. Perhimpunan Agung UMNO tahun 1987 memberikan kemenangan kepada beberapa orang penyokong Team B UMNO yang antaranya Menteri Pertahanan Datuk Abdullah Badawi yang terpilih sebagai Naib Presiden, tetapi orang yang dipilih oleh perwakilan partinya itu disingkirkan dari kedudukan kabinet dan lain-lain.

Diakhir perhimpunan itu perwakilan mengharapkan seluruh pemimpin UMNO bersatu setelah adanya keputusan yang memperlihatkan kumpulan A dan kumpulan B sama kuat, tetapi Dr. Mahathir menjawab pihak yang kalah mesti bersedia menerima akibat kekalahan.

Ketika UMNO berhadapan dengan saman dari Kumpulan 11, Dr. Mahathir tidak mengambil apa-apa langkah menyelamatkannya, sebaliknya memberi peluang kepada mahkamah untuk membatalkan pendaftarannya. Kerana dia terdesak untuk menubuhkan satu jawatankuasa menyelesaikan kes itu di luar mahkamah, beliau bersetuju membentuk jawatankuasa yang terdiri dari ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, tetapi beliau tidak memilih pengerusi untuk jawatankuasa itu. Mana ada dalam dunia jawatankuasa tanpa pengerusi?

Sedikit huraian di atas membuktikan teguran terhadap pimpinan UMNO sebelum tahun 1970an itu, adalah kritik terhadap dirinya sekarang. Saya berpendapat bahwa apa yang dilakukan sekarang sangat ketara betapa dalam setiap perkara beliau tidak menghiraukan pendapt-pendapat ahli-ahli dan penyokong, tetapi beliau mahu apa yang dia mahu saja.

PANTANG DITEGUR

Sehubungan dengan itu The Malay Dilemma juga menyebut:

"Secure in it absolute majority in parliament, it was contemptuous of criticm. Policies were made which completely ignored public opinions. (Setelah - Perikatan - terasa yang ia mempunyai majoriti yang mutlak di Parlimen, maka ia tersinggung atau merasa terhina terhadap sebarang teguran terhadapnya. Segala dasar yang dibuat sudah tidak langsung menghiraukan pendapat umum)."

Dia menyambung:

"Laws were hurriedly passed without prior consultation with the representatives who had to 'sell' these laws to the people. (Undang-undang diluluskan dengan terburu-buru tanpa berunding dulu dengaan wakil-wakil rakyat yang nantinya terpaksa menjelaskan undang-undang itu kepada rakyat)."

Mengenai sidang parlimen ia berkata:

"Parliamentary sittings were regarded as a pleasant formality which afforded members opportunities to be heard and quoted, but which would have absolutely no effect on the course of the Government. The general feeling was that whether or not the course of the government would carry on. (Sidang-sidang Parlimen sekadar dianggap sebagai suatu acara rasmi yang lumrah yang memungkinkan peluang-peluang bagi suara ahli-ahlinya didengar dan cakap-cakap mereka dirakamkan, tetapi ia tidak memberi apa-apa kesan kepada perjalanan kerajaan. Tanggapan umum adalah sama ada Parlimen bersidang atau tidak, kerajaan tetap berjalan seperti biasa)."

Jika dibandingkan suasana yang berlaku sekarang - dalam pentadbiran Dr. Mahathir malah dalam tempoh berbulan madu 2M dulu - adakah tidak berlaku sikap mudah tersinggung bagi kerajaan bila teguran-teguran dibuat? Adakah tidak berlaku betapa pindaan-pindaan diluluskan segera di Parlimen? Dan sidang-sidang Parlimen menjadi tekanan besar bagi perjalanan kerajaan?

Saya melihat pentadbiran The Malay Dilemma adalah kerajaan yang paling tidak sedia dikritik. Pentadbiran ini telah membenarkan dibentuk satu jawatankuasa menyiasat skandal BMF di Hong Kong dengan Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria, Ketua Odit Negara menjadi pengerusinya. Jawatankuasa itu memberikan gambaran betapa adanya kelemahan di pihak kerajaan. Maka bukan sahaja laporan jawatankuasa itu ditolak, Tan Sri Ahmad Nordin sendiri ditamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Odit Negara.

Apabila Tun Salleh Abbas, Ketua Hakim Negara mempertikaikan sikap Perdana Menteri yang banyak mempersendakan proses kebebasan kehakiman, Perdana Menteri mengambil kesempatan dari tindakan Ketua Hakim Negara menulis surat kepada Yang Dipertuan Agong tanpa melalui Perdana Menteri untuk memecat Ketua Hakim Negara itu.

Pimpinan kerajaan Barisan bukan sekadar tidak menerima teguran rakyat, teguran istana pun tidak diindahkan malah istana sendiri dijadikan sasaran. Bila seorang bergelar menyebut betapa pentingnya dipelihara kebebasan mendapatkan maklumat, maka Perdana Menteri telah membuat kecaman keras terhadap orang bergelar itu dalam satu pertemuannya dengan para pelajar di United Kingdom.

Bagi mengelakkan orangramai bersuara, kerajaan melakukan pindaan-pindaan yang segera keatas banyak akta. ISA dipinda hingga kini ia tidak boleh dipertikai di mahkamah. Tahanan ISA kini seperti hilang hak menjadi kakitangan kerajaan. Tiga orang guru yang ditahan di Kemunting seka-

rang telah dilucutkan perkhidmatannya: ISA terlalu mudah digunakan. Akta Cetak dipinda hingga akhbar dan mesin cetak terpaksa memohon permit baru setiap tahun. Bahan cetak yang ditafsirkan melanggaar Akta Cetak bukan sekadar pengarangnya yang didakwa, seluruh kakitangan percetakan terbabit seperti penulis bahan tersebut, penaipnya, juru layout, penyunting, penyemak, pencetak, penerbit, pengedar, pembaca, dan orang yang menyimpannya ikut boleh diseret ke mahkamah.

Akta ISA tersangat mudah digunakan. Seorang ustaz yang mengkritik orang Islam yang minum arak secara membandingkannya dengan makan daging ular dan biawak boleh dikenakan ISA. Ada dakwaan dikenakan ke atas seorang ustaz yang menyebut betapa dalam al-Quran tidak disebut ular dan biawak tidak boleh dimakan, tetapi arak disebut jelas dilarang. Tetapi orang Islam tidak segan-segan minum arak yang al-Quran kata haram, sedangkan mereka tidak lalu makan ular dan biawak yang tidak disebut haram dalam al-Quran. Haramnya ular dan biawak tadi adalah atas kaedah-kaedah tertentu Islam yang disepakati oleh ulama yang muktabar. Ustaz itu ditahan di bawah ISA atas dakwaan menghasut orang Islam makan ular dan biawak.

Anggota Parlimen sekarang dipanggil ke Parlimen lebih bnayak untuk meluluskan apa yang kerajaan Barisan mahu, bukan kerana hendak membincangkan sesuatu hal. Justeru itu acap kali terdapat laporan akhbar betapa *quorum* parlimen tidak cukup disebabkan lebih ramai suka duduk di kantin dari berada dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Malah

anggota-anggotanya hanya bercakap supaya suaranya didengar dan dirakamkan dalam hansard. Apa juga yang dikemukakan akan diluluskan. Malah mana-mana pindaan akta akan lulus dalam masa yang singkat. Kalaupun ada akta yang lambat diluluskan, lazimnya kerana ahli-ahli pembangkang bercakap agak panjang. Suasana sama ada parlimen bersidang atau pun tidak bersidang, nampaknya tidak juga memberi banyak kesan kepada perjalanan pentadbiran kerajaan. Apa yang ditegur oleh The Malay Dilemma 20 tahun lalu nampaknya berlaku juga hari ini.

Oleh itu saya merasakan, kalau kelemahan dulu berlaku adalah disebabkan oleh tidak ada ingatan dan tauladan untuk dijadikan contoh. Tetapi dalam suasana kelemahan itu telah dirakamkan dalam The Malay Dilemma, adalah suatu yang sukar hendak diterima kelemahan 20 tahun dahulu berulang juga dizaman ini.

MARUAH PERLEMBAGAAN

Kepincangan lain parlimen dahulu disebutkan lagi seperti berikut:

"Its main value lay in the opportunity to flaunt government strength. Off and on, this strength was used to change the constitution. The manner, the frequency and the trivial reasons for altering the constitution reduced the supreme law of the nation to a useless scrap of paper. (Nilai utama sidang parlimen terletak kepada keupayaan untuk menguatkan kedudukan kerajaan. Dari semasa ke semasa kekuatan ini

digunakan untuk meminda perlembagaan. Memandangkan kepada sering dan mudahnya alasan-alasan yang diberikan untuk meminda perlembagaan itu telah menurunkan maruah undang-undang negara yang agung itu kepada nilai secebis kertas yang tidak berharga)."

Adakah kepincangan ini hanya berlaku di zaman Tunku dahulu sahaja? Saya kira apa yang disebutkan itu juga diulangi oleh kerajaan yang ada kini. Dengan kekuatan yang ada pada Perdana Menteri baik dalam kerajaan mahu pun dalam partinya, maka apa yang berlaku sekarang adalah lebih buruk dari dahulu. Kalau dahulu kuasa mengisytiharkan darurat hanya dibuat oleh parlimen, tetapi kini Perdana Menteri boleh mengisytiharkannya di mana-mana sahaja.

NILAI SEORANG MENTERI

The Malay Dilemma juga memberikan teguran kepada cara-cara pemimpin seangkatan dengan Tunku mengangkat menteri-menteri dan pegawai-pegawai lainnya. Kata buku itu:

"It is obvious that the most capable and experienced should be made ministers and be in the cabinet. But the independent Malaya chose to treat membership of the cabinet as a reward for loyalty to party chiefs and acceptability to the Prime Minister. (Lazimnya orang-orang yang paling berwibawa dan berpengalaman selayaknya dijadikan menteri dan masuk dalam kabinet. Tetapi Malaya yang merdeka memilih dan mengira anggota kabinet itu sebagai hadiah

kerana kesetiaan mereka kepada ketua-ketua parti dan mereka diterima oleh Perdana Menteri)."

"On the other hand, even if the minister perform well, failure to remain in good term with the Prime Minister meant his removal from the ministry. The result was that mediocre men were left to run the country (Sebaliknya, jika seorang menteri menjalankan kerja dengan baik tetapi gagal untuk menyesuaikan diri dengan Perdana Menteri, bererti jawatannya akan dilucutkan. Maka terserahlah negara kepada budibicara orang-orang yang karut)."

Lihat muka surat 12.

The capable ones never got into the government and even if they did, they did not stay long. As cabinet after cabinet was formed and the same pattern continued (orang-orang yang berkelayakan tidak berpeluang masuk ke dalam kerajaan, kiranya mereka terpilih mereka tidak akan bertahan lama. Kabinet demi kabinet dibentuk, keadaannya sama sahaja)."

Sepatutnya apa yang diingatkan oleh The Malay Dilemma patut menjadi perhatian dan tidak diulangi oleh Perdana-Perdana Menteri selepas itu. Tetapi apa yang ada dalam kabinet 2M dan kabinet pimpinan Mahathir-Ghafar keadaan yang seperti dahulunya berlaku juga. Orang yang berkelayakan seperti Datuk Musa Hitam tidak tahan lama. Dia terpaksa meninggalkan kabinet bukan kerana tidak kasih kepada UMNO, tetapi tidak dapat bekerja dengan Perdana Menteri.

Datuk Abdullah Badawi bukanlah seorang yang tidak berpotensi. Masa depannya cerah. Tetapi kerana tidak memihak kepada Perdana Menteri dalam pemilihan pimpinan UMNO, walaupun beliau sendiri terpilih menjadi Naib Presiden UMNO, dia dilucutkan sebagai Menteri Pertahanan pada ketika beliau mempengerusikan satu mesyuarat di kementeriannya.

Orang tidak begitu kenal dengan Mustafa Muhammad. Datuk Muhammad Rahmat juga tidak begitu popular di kalangan UMNO di Johor. Tetapi mereka dimasukkan ke dalam kabinet, tentunya tidak banyak atas sebab-sebab kelayakan mereka, tetapi semata-mata kerana hadiah atas sokongan mereka kepada Perdaan Menteri. Orang-orang UMNO Johor ketika itu menolak Perdana Menteri, tetapi dua orang tokoh kurang popular dari Johor sedia menurut Perdana Menteri. Maka hadiah untuk mereka adalah jawatan kabinet.

Apa juga yang berlaku di sekeliling Datuk Megat Joned, beliau tetap ada dalam kerajaan dari satu kabinet ke satu kabinet. Nampaknya, kabinet kini bukan memikirkan tentang kepintaran seseorang, tetapi siapa yang sedia memuja dan memuji Perdana Menteri. Bendera besar dan ketupat besar boleh menggembirakan Perdana Menteri. Itulah antara tanda negara terserah kepada mereka yang karut.

LUAR BANDAR

Antara kritik sinis yang ditegur oleh The Malay Di-

lemma ialah mengenai sikap kerajaan dan kepimpinan Perikatan terhadap perjalanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang nampaknya dirancang bukan sangat atas kepentingan rakyat dan negara, tetapi lebih ditujukan untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan datang. Katanya:

"Long after the rural developmentschemes has lost their impact, the government still carried on building mosques and community halls, not because these facilities were thought necessary, but in the mistaken belief that it would favourably influence the voting at the next elections. (Lama sesudah rancangan pembangunan luar bandar tidak memberikan apa-apa kesan, kerajaan terus juga membina masjid-masjid dan balai-balairaya, bukan kerana kemudahan-kemudahan ini difikirkan mustahak, tetapi kerana keyakinan yang silap untuk memancing undi dalam pilihanraya yang akan datang)."

Selanjutnya ia menegur:

"As was to be expected, as an election approached, the grants of these rural development schemes increased. Until just before and during election, the ministers were kept busy handing out cheques. (Sebagai yang diduga, bila menjelang sahaja sesuatu pilihanraya, maka peruntukan rancangan pembangunan luar bandar pun bertambah. Di saat menjelang dan ketika berlangsung pilihanraya para menteri pun sibuk menyampaikan cek kepada orang ramai)."

Teguran terhadap pemimpin Perikatan menyalahgunakan rancangan pembangunan luar bandar dan segala kemudahannya itu adalah wajar bagi memastikan skim itu terlaksana dalam bentuk yang sebaik-baiknya untuk mengelakkan pem-

baziran wang negara, bagi menghindarkan diskriminasi terhadap mereka yang tidak menyokong parti yang memerintah dan untuk menghindarkan penyelewengan dan rasuah politik.

Memang menjolok mata betapa balairaya dan masjid dibina dan kemudian tidak digunakan sepenuhnya. Balairaya antaranya terbiar dan ada yang jadi tempat kambing berteduh. Manakala masjid-masjid pula banyak yang tidak dimakmurkan dan sentiasa berkunci. Jika apa yang disebutkan oleh The Malay Dilemma bahawa ia dibina lebih didorong oleh niat memancing undi, maka masjid yang dibina tidak atas nama Allah ini adalah masjid **'Dhirar'**. Pembinaannya bukan suatu ibadat.

Sikap ini wajar diperbetulkan. Tun Hussein Onn telah mentiadakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar walaupun rancangan luar bandar tetap ada dalam program pembangunan. Bila Dr. Mahathir mengambilalih pemerintahan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar diadakan semula. Mula-mulanya ia diserahkan kepada Datuk Sanusi Junid, kemudian diserahkan kepada orang yang menjawat jawatan itu ketika Tunku dan Tun Abdul Razak berkuasa dulu iaitu Encik Ghafar Baba. Segala kecaman yang dibuat oleh The Malay Dilemma terhadap penyelewengan rancangan pembangunan luar bandar itu bolehlah dikatakan banyak ditujukan kepada menteri tersebut kerana beliaulah yang memikul tanggungjawab mengendalikan skim itu dulu. Yang anehnya, pentadbiran sekarang menyerahkan pula tanggungjawab itu kepada orang yang sama.

Justeru itu perjalanan kementerian kembali kepada fungsi lamanya iaitu merancang sesuatu untuk kepentingan pilihanraya. KEMAS terus diberi peranan untuk menjalankan tugas UMNO melalui peruntukan kerajaan dan ia menjalankan segala diskriminasi terhadap rakyat yang tidak menyokong UMNO Baru. Balairaya mulai kurang digunakan oleh kambing-kambing, bukan kerana kepintaran kerajaan sekarang, tetapi penagih dadah lebih berjaya menyaingi kambing untuk menggunakan tempat itu. Di kebanyakan tempat, balairaya menjadi milik UMNO. Rakyat yang bukan UMNO Baru tidak boleh menggunakannya terutama dalam musim pilihanraya kerana ia menjadi markaz pilihanraya Barisan Nasional.

Masjid-masjid mulai berisi walaupun banyak yang terus berkunci. Kalau masjid mulai makmur, ia bukan kerana dirancang oleh kerajaan, tetapi lebih banyak atas sebab-sebab kegiatan dakwah dari golongan yang tidak senang dengan kerajaan bertambah. Kemunculan kumpulan itu tidak juga menyenangkan parti yang memerintah yang terus-menerus menyifatkan mereka songsang dan sebagainya. Tetapi sikap yang sama berjalan juga iaitu masjid juga dibanyakkan demi pilihanraya.

Dalam setiap pilihanraya kecil akhir-akhir ini Encik Ghafar Baba adalah orang yang paling sibuk menjalankan apa yang Dr. Mahathir tidak suka 20 tahun lalu. Dr. Mahathir sendiri jarang kelihatan dalam kebanyakan pilihanraya kecil mungkin kerana dia menghormati bukunya yang mengecam amalan rasuah politik. Tetapi Encik Ghafar Baba bukan

sekadar datang untuk menghulurkan cek, malah mengumumkan pemberian berjuta-juta ringgit janji. Bila Timbalan Perdana Menteri bersikap demikian, maka para menteri pun silih-berganti datang memberi anak ayam, basikal, setengah cupak beras, satu tin ikan sadin, selonggok tanah merah dan lain-lain. Seluruh jentera kerajaan dengan tidak malu lagi digunakan untuk memastikan pemimpin UMNO Baru kembali berkuasa.

The Malay Dilemma nampaknya telah dikhianati oleh penyokong Mahathir sendiri. Bukan sekadar amalan silap dulu diteruskan, malah orang yang bertanggungjawab dalam amalan itu juga dipulihkan dan diberi peluang memimpin Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

PINTU HATI TERTUTUP

Akhirnya bab satu The Malay Dilemma ada menyebut: "..... *it was apparent to those who cared to observe that their sympathy was not automatically with the government.(..... adalah jelas bagi mereka yang sedar dan sedia meneliti perbuatan kerajaan, simpati mereka secara otomatik tidak lagi kepada kerajaan).*"

Seperti dulu juga wujud mereka yang tidak menyokong tindakan kerajaan hasil dari penelitian masing-masing, kini malah bertambah ramai. Dari kalangan kakitangan kerajaan sendiri juga ramai. Tun Salleh Abbas dan Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria yang tidak berminat dalam politik adalah

contoh mereka yang hilang simpati terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Paling akhir Tun Suffian Hashim, bekas Ketua Hakim Negara. Bilangan mereka yang bersara awal juga ramai. Tetapi mereka ini akhirnya dimusuhi oleh pemimpin Barisan Nasional.

Apa yang mereka lalui persis apa yang disarankan oleh The Malay Dilemma, tetapi pengarang buku itu seolah-olah tertutup mata dan pintu hatinya untuk menerima mereka sebagai orang yang sedar yang disebutkan oleh The Malay Dilemma. Sebaliknya pengarang itu lebih suka mengecam mereka sebagai orang yang lupa akan jasa dan pemberian kerajaan.

Bila pengarang The Malay Dilemma sendiri tidak menghormati bukunya, maka bagaimana kita hendak mengharapkan dia menghormati segala peraturan yang dibuat oleh pihak lain? Pengarang buku itu nampaknya telah menjadikan bukunya itu ibarat secebis kertas yang tidak berguna.

1 1 DEC. 1990